

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING
[PENAMPANG]**

TARIKH : 10 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan bagi pembangunan Sektor Biomass seperti yang disebut dalam RMK-12 khususnya bagi Wilayah Sabah.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, industri biojisim merupakan satu industri yang mampu untuk memberi pulangan ekonomi yang baik bagi negeri Sabah sekiranya diberi perhatian khusus memandangkan kuantiti biojisim yang banyak di negeri tersebut.
2. Negeri Sabah merupakan salah satu penyumbang terbesar sumber bahan mentah biojisim iaitu dianggarkan sebanyak 25% daripada jumlah keseluruhan biojisim negara.
3. Pada masa ini. Kerajaan melalui Malaysian Investment Development Authority (MIDA) sedang giat melaksanakan perbincangan dengan kerajaan negeri Sabah untuk merangka satu pelan tindakan khusus untuk pembangunan industri biojisim di negeri tersebut. Pelan ini akan menggariskan langkah dan tindakan strategik untuk menarik pelaburan yang tepat dan berkualiti bagi melonjakkan industri biojisim di Sabah.
4. Selain itu, kerajaan negeri Sabah juga sedang meneroka untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas berkaitan biojisim bagi memandu dan mempercepat perkembangan industri ini.
5. Misi perdagangan yang bersasar juga akan dilaksanakan bagi memaksimumkan jaringan perdagangan industri biojisim di peringkat global.
6. Antara projek biojisim yang sedang berjalan dan boleh dijadikan contoh kepada negeri Sabah adalah seperti projek BioHub Port di Sarawak, projek Biovision and Greenergy (B&G)'s Segamat Integrated Biorefinery di Johor dan projek Alam Avani's Waste to Renewable Diesel di Perak. Kesemua projek ini melaksanakan pendekatan bersepadu

berdasarkan ekonomi kitaran yang akan menggalakkan pelaburan ke dalam industri ini.

7. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), tumpuan akan diberikan kepada pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti biobahan api, bioproduct dan bahan kimia penting untuk industri.

8. Selain itu, ekosistem industri ini akan ditambah baik melalui pewujudan model perniagaan yang berkesan di sepanjang rantai nilai biojisim. Pembangunan kemampuan tempatan akan dipertingkatkan melalui aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi.

9. Sektor swasta terus digalakkan untuk melabur dalam aktiviti biojisim yang dipacu penyelidikan melalui khidmat nasihat yang ditambah baik. Selain itu, biojisim dan biogas telah dikenal pasti sebagai salah satu sumber yang akan dibangunkan untuk tenaga boleh baharu (TBB).

Sekian, terima kasih.